



INTERNATIONAL JOURNAL OF MODERN EDUCATION (IJMOE)

www.ijmoe.com



PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB UNTUK PELAJAR AUTISME

TEACHING AND LEARNING ARABIC FOR AUTISTIC STUDENTS

Nur Izzah Sariyah Azmi¹, Zarima Mohd Zakaria²

¹ Department of Language and Communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: nurizzahsariyah@gmail.com

² Department of Language and Communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: zarima@fbk.upsi.edu.my

Article Info:

Article history:

Received date: 05.03.2020

Revised date: 15.03.2020

Accepted date: 16.08.2020

Published date: 10.09.2020

To cite this document:

Azmi, N. I. S., & Zakaria, Z. M. (2020). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab untuk Pelajar Autisme. International Journal of Modern Education, 2(6), 01-07.

DOI: 10.35631/IJMOE.26001

Abstrak:

Kertas kerja ini membincangkan masalah yang timbul terhadap pelajar autisme semasa pembelajaran mata pelajaran bahasa Arab di sekolah menengah. Masalah yang difokuskan dalam kajian ini adalah dari aspek sikap, motivasi, dan minat. Seramai tiga orang guru bahasa Arab di sebuah sekolah menengah di Terengganu dipilih sebagai informan kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif reka bentuk kajian kes yang menggunakan temubul berstruktur sebagai instrumen utama bagi mendapatkan data. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar autisme menonjolkan sikap positif semasa pembelajaran bahasa Arab. Begitu juga pada aspek motivasi, pelajar autisme menunjukkan kesungguhan semasa melakukan aktiviti pembelajaran bahasa Arab. Manakala dari aspek minat, pelajar autisme kurang memperlihatkan minat dalam mata pelajaran bahasa Arab berbanding mata pelajaran yang lain.

Kata Kunci:

Pelajar Autisme, Bahasa Arab, Sekolah Menengah, Sikap, Motivasi, Minat

Abstract:

This paper discusses the problems that arise with autistic students during the learning of Arabic language subjects in high school. The problems focused in this study are from the aspects of attitude, motivation, and interest. A total of three Arabic language teachers in a secondary school in Terengganu were selected as study informants. This study uses a qualitative approach to the case study design that uses structured interviews as the main instrument for obtaining data. The results of the study found that autistic students exhibited a positive attitude during learning Arabic. Similarly, in terms of motivation,

autistic students show seriousness while doing Arabic language learning activities. While in terms of interest, autistic students show less interest in Arabic subjects compared to other subjects.

Keywords:

Students with Autism, Arabic, High School, Attitude, Motivation, Interest

Pengenalan

Dasar KPM adalah untuk merapatkan jurang antara lokasi, tahap sosioekonomi dan tahap keupayaan pelajar. Matlamat KPM adalah untuk memastikan semua sekolah dan pelajar mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk cemerlang. Kajian ini melihat supaya tiada jurang antara pelajar normal dan berkeperluan khas. (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010).

Selaras dengan konsep pendidikan untuk semua, Program Pendidikan Inklusif diperkenalkan sebagai matlamat kepada usaha murni untuk memberi peluang pendidikan yang sama kepada semua murid berkeperluan khas tanpa mengira ketidakupayaan dan kecacatan mereka. Bantuan yang sesuai akan diberikan kepada murid berkeperluan khas bagi membolehkan mereka mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara inklusif bersama rakan sebaya mereka. Dalam konteks Pendidikan Khas, murid-murid berkeperluan khas ini akan belajar bersama-sama dengan rakan-rakan tipikal yang lain di dalam bilik darjah yang sama dan diajar oleh guru biasa. Hal ini adalah untuk memastikan mereka berpeluang menikmati segala kemudahan belajar persekitaran normal dan kondusif seperti murid-murid lain tanpa mengira status (Saiful Azam, 2017).

Konsep Autisme

Autism ialah gangguan perkembangan otak yang dicirikan oleh masalah hubungan sosial, komunikasi, emosi, kurang kebolehan imaginasi dan bermain serta menunjukkan tingkah laku yang terhad dan berulangan. Persatuan autistik kebangsaan menjelaskan bahawa autism ialah masalah keupayaan sepanjang hidup yang memberi kesan terhadap cara seseorang berkomunikasi dengan orang lain serta beradaptasi dengan dunia luar (Chandramogan Ramaiah & Mohd Zuri Ghani, 2018).

Menurut Norfishah Mat Rabi (2015), autism adalah salah satu daripada kategori kanak-kanak yang bermasalah pembelajaran. Secara umumnya, kanak-kanak yang mengalami autism kelihatan seperti insan yang sempurna dari segi fizikalnya. Ciri-ciri autism terbahagi kepada empat. Antara ciri autism ialah kesukaran interaksi sosial, kelemahan dalam bahasa dan komunikasi, pola, tingkah laku, minat, dan aktiviti yang berulangan serta kelewatian atau gangguan perkembangan pada usia tiga tahun.

Seperti yang dinyatakan oleh Siti Marziah Zakaria dan Nor Shahirah Mat Tauhaid (2018), autism atau nama lainnya Kecelaruan Spektrum Autisme (ASD) merupakan satu masalah perkembangan saraf yang boleh dicirikan dengan masalah kemahiran sosial, tingkah laku dan komunikasi bukan lisan seperti tiada pandangan mata. Autism boleh berlaku seawal umur 12

bulan bahkan lebih awal jika masalah kelewatan perkembangannya adalah teruk atau boleh berlaku lewat daripada 24 bulan jika simptom-simptom yang ditunjukkan adalah tidak ketara.

Siti Izani Idris, Sathy Manoharan dan Anis Safinaz Ramli (2017) menjelaskan bahawa autism adalah satu sindrom yang menjelaskan fungsi-fungsi otak kanak-kanak dari segi kognitif, tingkah laku, kemahiran moto kasar dan moto halus, bahasa dan komunikasi serta sosial dan emosi. Manakala, Roslinda Abdullah, Madyazhagan, Saedah Siraj dan Mariani Md Nor (2017), autism merupakan satu keceluaran yang bercirikan pengasingan diri, tingkah laku, mencederakan diri, masalah kognitif dan masalah bahasa.

Manakala, Jeri Freedman (2009) pula mendefinisikan autisme sebagai gangguan yang memberi kesan lebih kerap kepada kanak-kanak lelaki berbanding kanak-kanak wanita. Gangguan ini memberi kesan kepada perkembangan otak ketika kanak-kanak masih kecil. autism bukan penyakit mental, malah kanak-kanak autism juga mempunyai kecerdasan normal, hanya segelintir sahaja daripada mereka mempunyai kecerdasan bawah normal. Akan tetapi, disebalik kecerdasan normal yang dimiliki, berkemungkinan besar mereka dapat memberi gambaran tidak semudah seperti kanak-kanak normal yang lain.

Objektif Kajian

- 1) Mengenal pasti sikap pelajar autisme semasa pembelajaran mata pelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah
- 2) Menganalisis motivasi pelajar autisme semasa pembelajaran mata pelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah
- 3) Mengkaji minat pelajar autisme semasa pembelajaran mata pelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah

Soalan Kajian

- 1) Bagaimakah sikap pelajar autisme semasa pembelajaran mata pelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah?
- 2) Sejauh manakah motivasi pelajar autisme semasa pembelajaran mata pelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah?
- 3) Bagaimakah minat pelajar autisme semasa pembelajaran mata pelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah?

Kajian Lepas

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Siti Masidayu Jaafar Shah, Mohd Hanafi Mohd Yasin dan Mohd Mokhtar Tahar (2016), guru-guru menggunakan kaedah peneguhan positif menerusi pujian dan ganjaran bagi mengatasi masalah tingkah laku murid autism yang suka keluar kelas semasa pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran pendidikan Islam.

Dalam satu kajian yang lain pula, pembangunan perisian kursus ‘Saya Suka Belajar’ untuk pembelajaran Bahasa Melayu telah dijalankan oleh Salman Firdaus Sidek, Nur Saadah Fathil, Nur Zuhaidah Mohamed Zain dan Kamaliah Muhammad (2014) bagi menarik perhatian kanak-kanak autism untuk belajar Bahasa Melayu.

Siti Patonah Mohamad, Zulkifli Mohd Yusoff dan Durriyah Sharifah Hasan Adli (2014) telah menjalankan satu kajian pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi golongan kelainan upaya mental: analisis dari sumber tradisi Islam. kajian ini bertujuan menyingkap kaedah pengajaran

Al-Quran dalam tradisi Islam, yang berteraskan kepada Al-Quran, hadis dan penulisan sarjana Islam.

Selain itu, satu kajian telah dijalankan oleh Najah Kurama Ahmad Zuhdi dan Roslinda Rosli (2018) berkaitan pembelajaran matematik di kalangan kanak-kanak autism. Antara kaedah yang digunakan dalam pembelajaran matematik di kalangan autism ialah kaedah mendorong, matematik sentuh dan ipad.

Elaine Ruppert (2017) telah menjalankan satu kajian untuk memperlihatkan tanggapan guru tentang strategi yang mempunyai impak tertinggi dalam pembelajaran pelajar autism yang berfungsi tinggi. Kajian ini juga dijalankan adalah untuk memberikan kedalaman lebih lanjut dalam memahami persepsi guru tentang strategi yang paling berkesan dalam mengajar pelajar autism selain menyediakan guru dengan strategi-strategi yang berkesan untuk digunakan ketika mengajar pelajar autism.

Ismail Muhammad (2016) telah menjalankan satu kajian ekspresi kendiri dalam lukisan kanak-kanak autism di sebuah sekolah kebangsaan integrasi di mana kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti ekspresi kendiri dalam lukisan kanak-kanak autism dalam kelas seni visual.

Azimah Abdullah (2017) telah menjalankan kajian kemahiran kognitif dan sosial terhadap kanak-kanak autism dalam permainan numerasi. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan meneroka kemahiran kognitif dan kemahiran sosial kanak-kanak autism semasa bermain permainan numerasi Math Marks the Spot dan Galah Panjang.

Seterusnya, satu kajian berkaitan tahap kemahiran sosial murid-murid autism bagi program pendidikan khas integrasi bermasalah pembelajaran telah dijalankan oleh Saiful Azam (2015) bagi mengenal pasti tahap kemahiran sosial murid-murid autism di enam buah sekolah rendah di daerah Klang, Selangor. Kemahiran sosial yang dikaji dalam kajian ini ialah kemahiran interaksi sosial, kemahiran penyesuaian diri, memulakan perhubungan dan juga penglibatan di dalam bilik darjah.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan pendekatan kualitatif reka bentuk kajian kes yang menggunakan temubual berstruktur sebagai instrumen utama. Metod yang digunakan dalam dalam kajian ini ialah temubual. Temubual berstruktur dilakukan ke atas individu-individu yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan data tentang kajian, iaitu masalah pembelajaran pelajar autisme dari aspek sikap, motivasi dan minat. Penyelidik menganalisis data menggunakan pendekatan analisis deskriptif.

Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan tiga orang guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Arab di sebuah sekolah menengah kebangsaan agama di Terengganu.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah temubual berstruktur yang melibatkan penemu bual menggunakan soalan-soalan yang telah ditentukan untuk semua peserta kajian. Semua peserta

kajian akan mendapat set soalan yang sama dan ditanya dalam urutan yang sama oleh penemu bual. Soalan-soalan temubual dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A meliputi sikap pelajar autisme semasa pembelajaran mata pelajaran bahasa Arab, bahagian B merangkumi motivasi pelajar autisme semasa pembelajaran mata pelajaran bahasa Arab, manakala bahagian C pula ialah minat pelajar autisme semasa pembelajaran mata pelajaran bahasa Arab.

Dapatkan Kajian

Sikap Pelajar Autisme Semasa Pembelajaran Mata Pelajaran Bahasa Arab

Berdasarkan hasil kajian yang dilakukan melalui responden yang ditemu bual, penyelidik mendapati bahawa pelajar autisme mempunyai sikap yang berbeza-beza.

“Pelajar autisme ini mempunyai sikap tidak bercakap dengan orang lain. Mereka kelihatan seperti robot, iaitu skema bak kata orang tua-tua dahulu tetapi dia merupakan seorang yang bijak. Apabila pelajar autisme ini berada dalam keadaan marah, mereka akan bertindak melakukan sesuatu di luar jangkaan kita, maksudnya tak terfikir dek akal fikiran kita”

(PK1 / TB1)

“Pelajar autisme ini mempunya sikap tidak boleh bergurau senda dengan kawan-kawan, suka menangis apabila sesuatu itu berlaku dengan bukan kehendaknya, cepat merajuk dan marah jika orang lain meminjam barang”

(PK2 / TB1)

“Pelajar autisme bersikap lebih terbuka, nak menang selalu dan tidak pandai berselindung”.

(PK3 / TB1)

Motivasi Pelajar Autism Semasa Pembelajaran Mata Pelajaran Bahasa Arab

“Pelajar autisme lebih bagus berbanding pelajar lain dari segi usaha untuk memahami pelajaran secara kendiri”.

(PK1 / TB2)

Minat Pelajar Autisme Semasa Pembelajaran Mata Pelajaran Bahasa Arab

“Kemahiran mengingat pelajar A adalah sangat hebat, bak kata orang otaknya seperti span. Dia akan serap semua maklumat serta info yang diberi oleh guru di dalam otaknya”

(PK1 / TB3)

Perbincangan

Berdasarkan hasil kajian yang dilakukan, penyelidik mendapati bahawa semua guru di sekolah itu telah mengetahui akan keadaan pelajar autism sejak dari tingkatan satu lagi. Pelajar autism ini mempunyai kemahiran mengingat yang sangat hebat. Dia akan serap semua maklumat serta info yang diberi oleh guru di dalam otaknya. Keadaan ini menyebabkan kebanyakan guru di sekolah itu berasa takut untuk mengajar pelajar autism. Oleh itu, guru-guru perlu berhati-hati dalam mengajar pelajar autism serta membuat persediaan yang sempurna sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Walau bagaimanapun, penyelidik mendapati bahawa pelajar autism lemah dari segi kemahiran sosial dengan masyarakat, kurang berkongsi dengan orang lain, dan suka menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi secara individu, iaitu secara berseorangan. Oleh itu, agak sukar bagi guru untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas melalui aktiviti secara berkumpulan. Dari segi pembelajaran bahasa, pelajar autism merupakan seorang pelajar yang cemerlang bahkan, mereka lebih bagus jika dibandingkan dengan pelajar lain dari segi usaha untuk memahami pelajaran secara kendiri.

Kebiasaannya, pelajar autism mempunyai kemahiran bahasa yang tinggi. Mereka mudah untuk memahami sesuatu yang diajarkan kepada mereka. Mereka mempunyai sikap tidak bercakap dengan orang lain. Namun, pada masa yang sama, mereka juga mempunyai sikap mereka yang tersendiri, iaitu pentingkan diri sendiri, menepati masa, mengikut arahan yang telah ditetapkan, mempunyai kadar ingatan yang kuat serta sentiasa menyiapkan kerja sekolah. Mereka juga menggunakan bahasa yang kasar, cepat merajuk, stress, kawalan emosi kurang dan kaki mudah kebas.

Cadangan

Setelah kajian dilakukan, beberapa cadangan kajian lanjutan dicadangkan bagi menambah baik kajian ini pada masa akan datang. Pertama sekali, guru perlulah bersedia dari segi mental dan fizikal untuk mengajar pelajar autisme. Hal ini demikian kerana pelajar autisme mempunyai pelbagai kerengah dan tingkah laku mereka yang tersendiri. Oleh itu, guru mestilah mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi bagi memudahkan mereka menjawab persoalan-persoalan yang mungkin ditanya oleh pelajar autisme. Mereka perlulah banyak membaca tentang pelajar autisme serta membuat persediaan dengan teliti terlebih dahulu sebelum menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab untuk pelajar autisme.

Selain itu, guru mestilah bijak dalam mengatasi masalah atau isu yang timbul ketika berlangsungnya aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hal ini demikian kerana kita semua sedia maklum bahawa pelajar autism mempunyai masalah dari segi kemahiran social. Mereka selalu bersendirian, membuat kerja sendiri tanpa bergaul dengan kawan-kawan lain dan tidak menghiraukan apa yang berlaku di sekeliling mereka. Oleh itu, guru mestilah bijak memainkan peranan bagi mengatasi segalamasalah yang timbul ketika proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Akhirnya, guru hendaklah menggunakan pendekatan yang sesuai untuk pelajar autism ketika pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Hal ini demikian kerana tidak semua pelajar autism boleh menerima pengajaran dan pembelajaran yang sama seperti pelajar normal yang lain. Hanya orang-orang tertentu sahaja yang boleh menerima dan mengikuti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Antara pendekatan yang boleh digunakan untuk pelajar autism ialah belajar secara latih tubi bagi mereka yang mempunyai daya ingatan yang rendah serta mempelbagaikan aktiviti pembelajaran bagi mengelakkan mereka daripada cepat bosan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, diharapkan dengan kajian yang dijalankan ini dapat memberi faedah dan manfaat kepada masyarakat, terutamanya guru-guru yang mengajar pelajar autisme. Diharapkan juga agar para guru dapat melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab untuk pelajar autism secara teratur dan sistematik pada masa akan datang.

Memahami sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran itu amat penting sebelum mengajar kepada pelajar.

Rujukan

- Abdullah, A. (2017). Kemahiran Kognitif dan Sosial Kanak-Kanak Autisme dalam Permainan Numerasi. Nibong Tebal, Penang.
- Abdullah, S. A. (2015). Tahap Kemahiran Sosial Murid-Murid Autisme Bagi Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran. Bangi, Selangor.
- Abdullah, S. A. (2017). Program Pendidikan Inklusif Bagi Murid-Murid Berkeperluan Khas di Malaysia.
- Chandramogan Ramaiah, M. Z. (2018). *Autisme*. Gelugor: Universiti Sains Malaysia.
- Freedman, J. (2009). *Autisme*. New York: The Rosen Publishing Group.
- Muhammad, I. (2016). Ekspresi Kendiri Dalam Lukisan Kanak-Kanak Autisme di Sebuah Sekolah Kebangsaan Integrasi. Tanjung Malim, Perak.
- Najah Kurama Ahmad Zuhdi, R. R. (2018). Pembelajaran Matematik di Kalangan Kanak-kanak Autisme: Satu Sorotan Literatur Sistematik. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN)*, 46-61.
- Rabi, N. M. (2015). *Rahsia dan Keunikan Personaliti Kanak-kanak Autistik di Malaysia*. Gelugor: Universiti Sains Malaysia.
- Roslinda Abdullah, M. S. (2017). Penyesuaian Psikososial Terhadap Tindak Balas Kedamaian (Peace) Dalam Kalangan Kanak-Kanak Autisma Pelbagai Etnik. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 208-213
- Ruppert, E. M. (2017). Teachers' Perceptions of Strategies that Have the Highest Impact on Learning in High-Functioning Students on the Autism Spectrum.
- Salman Firdaus Sidek, N. S. (2014). Pembangunan Perisian Kursus 'Saya Suka Belajar' Untuk Pembelajaran Bahasa Melayu Bagi Kanak-Kanak Autisme. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1-10.
- Siti Izani Idris, S. M. (2017). Pembangunan Perisian Aplikasi Bagi Kanak-Kanak Autistik: Pendekatan Pembelajaran di Rumah. *Advanced Journal of Technical and Vocational Education*, 230-239.
- Siti Masidayu Jaafar Shah, M. H. (2016). Mengubahsuai Tingkah Laku Murid Autisme Yang Suka Keluar Kelas Semasa Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam Menggunakan Kaedah Peneguhan Positif Menerusi Pujian dan Ganjaran. *Seminar Modifikasi Tingkah Laku Murid Pendidikan Khas (Bermasalah Pembelajaran) Peringkat Negeri Johor*.
- Siti Patonah Mohamad, M. Y. (2014). Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran Bagi Golongan Kelainan Upaya Mental: Analisis Dari Sumber Tradisi Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*, 153-168.
- Zakaria, S. M. (2018). Cabaran Membesarkan Anak-Anak Autisme Daripada Perspektif Ibu. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 58-70.